



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. (44) 04/B/PI/668/2/JIL 2

18 Ogos 2026

Semua Pemegang Lesen

Peniaga Buah Sawit

Peniaga Minyak & Isirung Sawit

Bahan Tanaman Sawit/Nurseri Sawit

Tuan/Puan,

PENGUMUMAN MENGENAI PENGISIAN MAKLUMAT GUNATENAGA SECARA DALAM TALIAN (SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PENIAGA TAHUN 2026

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pengisian maklumat tahunan guna tenaga bagi Sektor Peniaga secara dalam talian melalui sistem e-Gunatenaga dilaksanakan bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam menggubal dasar berhubung keperluan dan pengambilan tenaga kerja asing serta pekerja berkemahiran untuk industri sawit tempatan.

3. Pengisian maklumat guna tenaga ini hendaklah dibuat di laman sesawang <https://e-gunatenaga.mpob.gov.my> serta merujuk kepada **status guna tenaga** pada bulan **Jun 2026**. Pemegang lesen hendaklah menggunakan nombor lesen MPOB sebagai nama pengguna (*Username*) dan kata laluan (*Password*) yang sama semasa pengisian maklumat pada tahun 2025 untuk mengakses ke sistem tersebut. Sekiranya terdapat persoalan, sila hubungi pegawai-pegawai seperti di paparan sistem e-Gunatenaga untuk bantuan. **Rujuk Lampiran 1.**

4. Maklumat yang telah dikemaskini perlu dihantar kepada MPOB **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 30 SEPTEMBER 2026** mengikut sektor yang berkaitan dengan syarikat tuan/puan. Segala maklumat yang dikemukakan kepada Lembaga adalah **SULIT** dan tidak akan didedahkan kepada umum.



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602



5. Selain itu, dimaklumkan juga di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, pemegang lesen hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga. Jika didapati gagal berbuat demikian, tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas pemegang lesen tersebut. Ini termasuk kegagalan mengemukakan maklumat guna tenaga ini.

6. Kerjasama tuan/puan dalam membekalkan maklumat guna tenaga ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



DR. ZAKI AMAN


Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

b.p. Ketua Pengarah MPOB

PANDUAN KEPADA PEMEGANG LESEN SEKTOR PENIAGA BERKAITAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNA TENAGA

1. Akses sistem e-Gunatenaga: <https://e-gunatenaga.mpob.gov.my>



2. **Nombor Lesen** dan **Kata Laluan** untuk mengakses sistem e-Gunatenaga adalah seperti berikut:

Nombor Lesen : Merujuk kepada nombor lesen MPOB

Kata Laluan :

- i. Bagi pemegang lesen sedia ada, kata laluan untuk masuk ke sistem e-Gunatenaga sama seperti yang digunakan semasa pengisian maklumat e-Gunatenaga pada 2025.
- ii. Bagi pemegang lesen baharu, sila gunakan 123456 sebagai kata laluan sementara. Anda dinasihatkan supaya menukar kata laluan dengan segera selepas mengakses laman e-Gunatenaga.

LAMPIRAN 1

3. Sekiranya terdapat pertanyaan, sila hubungi pegawai berikut:-

Kategori Peniaga	No. Telefon	E-mel
<u>Peniaga Buah Sawit</u>		
Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin	03 - 87694186	rohidayati@mpob.gov.my
Puan Siti Nuraisyah Yushaimy (Johor)	03 - 87694185	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli	03 - 87694193	nurul.mastura@mpob.gov.my
<u>Peniaga Minyak & Isirung Sawit</u>		
Puan Nurul Hufaidah Sharif (Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, W.P Kuala Lumpur, Sabah & Sarawak)	03 - 87694184	hufaidah@mpob.gov.my
Cik Rozidatul Najwa Mohd Redzuan Loh (Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu & Perlis)	03 - 87694163	rozidatul.najwa@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli	03 - 87694193	nurul.mastura@mpob.gov.my
<u>Bahan Tanaman Sawit</u>		
Puan Siti Nuraisyah Yushaimy	03 - 87694185	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
Puan Siti Suziyana Mohd Omar	03 - 87694194	suziyana@mpob.gov.my